

PERUTUSAN REKTOR
Memaknai Pengorbanan
Menjiwai Perjuangan

MANFAAT DAN PRA-SYARAT

Strategi Pemasaran kepada Pelajar & Alumni

WAWANCARA KHAS :
Pembangunan Akademik dan Penyelidikan KUIS

KHUTBAH JUMAAT

Hala Tuju Pendidikan Islam di Selangor

MAJLIS ISTIMEWA

**Musabaqah Tilawah Al-Quran Murid Pekak
Kebangsaan kali ke - 2**

Tinta Pengarang

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Alhamdulillah, berkat usaha dan sumbangan semua pihak, Buletin Horizon ke-8 dapat diterbitkan pada Oktober 2014.

Fokus utama penerbitan kali ini ialah pembangunan akademik dan penyelidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai perkara ini, satu sesi temuramah dengan Y.Bhg. Dr. Syukri Abdul Rahman telah diadakan. Beliau memberikan penerangan lengkap mengenai halatuju pembangunan akademik dan penyelidikan KUIS, merangkumi pembangunan kepakaran pensyarah, penganjuran seminar dan persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta peningkatan aktiviti penyelidikan menggunakan dana dalaman dan luaran KUIS termasuk FRGS. Beliau juga turut menyentuh mengenai penggubalan dan penawaran beberapa program akademik yang baharu di KUIS. Semua perancangan pembangunan akademik dan penyelidikan yang disusun oleh Pejabat Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) KUIS adalah bertepatan dengan halatuju pendidikan Islam di Selangor Darul Ehsan.

Bagi memberi penjelasan lanjut mengenai halatuju pendidikan Islam Selangor, penerbitan kali ini memuatkan teks khutbah Jumaat yang disampaikan oleh mimbar di seluruh Selangor pada 10 Oktober 2014. Teks khutbah telah disediakan oleh Ustaz Wan Haslan Khairuddin, pensyarah Jabatan Usuluddin, Akademi Islam KUIS. Beliau memberikan kupasan yang tepat dan padat mengenai halatuju tersebut bagi manfaat semua pihak yang terlibat dalam pendidikan Islam.

Bersetujuan dengan pengambilan pelajar baharu Sesi II (November) 2014, penerbitan kali ini juga memaparkan penulisan berkaitan manfaat dan pra-syarat pemasaran kepada pelajar dan alumni KUIS. Kumpulan ini sebenarnya berperanan besar dalam usaha meningkatkan jumlah pelajar KUIS kepada 10,000 orang pada 2016.

Penerbitan kali ini turut memaparkan beberapa aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan oleh warga KUIS sepanjang Julai hingga Oktober 2014, antaranya Ibadah Korban sempena Idul Adha di KUIS; Bengkel Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja KUIS; APC, Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Hari Raya KUIS; Program Motivasi dan Kerjaya bersama Ustaz Don Daniyal dan Gerko Fest.

Sidang Pengarang mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan takziah kepada ibu-bapa dan keluarga **Allahyarham Muhammad Isham bin Ishak** yang telah kembali ke rahmatullah akibat kemalangan jalanraya pada 12 Oktober 2014. Beliau merupakan seorang pelajar yang sangat berdedikasi dan berada tinggi dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah KUIS. Semoga Allah SWT. Menempatkan arwah di kalangan orang yang soleh. Al-Fatihah.

Yang Benar,

Mokthar Hj. Ismail
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

SIDANG PENGARANG

Penaung

Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri

Ketua Editor

Dr. Zulkifli Abd Hamid

Editor

Mokthar Ismail

Ani Abd Jalil

Wartawan

Mohd Hanif Mat Noor

Arief Handoko

Muzdalilah Muhammad

Penyumbang Artikel

Wan Haslan Khairuddin

Fairuz Md. Zin

Halim Mokhtar

Zulhizzam Hamzah

Safwan Ahmad

Nor Rosmawati Abdul Karim

Julia Madzalan

Ahmad Firdaus Mohamed Hanapi

Yusmie Nasrul Firdaus Mohamad Yusoff

Surianom Miskam

Siti Nursoleha Shah Razat

Perunding Grafik & Jurugambar

Noor Hazian Abdullah

Pembaca Pruf

Muzdalilah Muhammad

Nurhayati Surip

Zainun Ab Rahman

Sidang Pengarang menjemput semua kakitangan KUIS yang berminat dan berkebolehan menulis berita, maklumat dan sebagainya berkaitan KUIS untuk menghantar penulisan masing-masing kepada Buletin Horizon bagi diterbitkan dalam keluaran akan datang (Januari 2015). Penulisan boleh di emel ke info@kuis.edu.my Semoga perkongsian maklumat ini menjadikan kita warga prihatin kepada perkembangan KUIS

Isi Kandungan

- 4 Perutusan Rektor
- 5 Ibadah Korban Perdana KUIS 1435H
- 6 Wawancara Khas : Pembangunan Akademik dan Penyelidikan KUIS
- 9 Bengkel Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan KUIS
- 10 Program Motivasi & Kerjaya bersama Ustaz Don Daniyal
- 11 Manfaat dan Pra-Syarat Strategi Pemasaran kepada Pelajar dan Alumni KUIS
- 15 Gerak Gempur 2.0 Tumpuan kepada Masyarakat Umum
- 16 Majlis Hi-Tea Alumni KISDAR - KUIS
- 17 Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang dan Khidmat Setia Kakitangan KUIS
- 18 Hala Tuju Pendidikan Islam di Selangor
- 21 Ekspedisi Qurban ke Kemboja 2014
- 22 Public Lecture on The Impotance of English Language
- 23 Sambutan Hari Raya Peringkat KUIS Rapatkan Ukhwah
- 24 KUIS berjaya melahirkan 1610 Graduan pada Konvokesyen ke 17
- 25 KUIS - POLITEKNIK Tingkatkan Sinergi Baharu dalam Pendidikan
- 26 Gerko Fest
- 27 Sukan Kakitangan KUIS
- 28 Penyertaan KUIS di Ambang Kemerdekaan Peringkat Negeri Selangor
- 29 Bual Bicara Pemasaran atas Talian
- 30 Musabaqah Tilawah Al-Quran Murid Pekak Kebangsaan kali ke- 2
- 32 Pusat Zakat KUIS Prihatin Masalah Kewangan Pelajar
- 33 IRCIEF meneraju Bengkel Keperluan Kajian untuk Sadaqah dalam industri Perbankan berteraskan Prinsip Syariah Islam
- 34 Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001 : 2008 (Kursus Pemantapan)
- 35 Penghargaan Buat Pencipta Lirik Lagu Rasmi KUIS
- 36 Kenali Rakan Sekerja Anda

PERUTUSAN REKTOR

MEMAKNAI PENGORBANAN MENJIWAI PERJUANGAN

Alhamdulillah, kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T yang telah mengizinkan kita untuk terus mengecapi nikmat Islam dan Iman hasil dari pada pengorbanan pejuang-pejuang agama Allah. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W, penghulu kepada segala nabi dan rasul yang telah menyempurnakan misi dakwah kepada umat manusia.

Sempena Aidiladha ini semestinya kita mengambil iktibar daripada peristiwa korban yang dinukilkan di dalam al-Quran al-Karim, dari kecekalan dan keteguhan hati Nabi Ibrahim A.S dan Nabi Ismail A.S. Semangat inilah yang perlu kita hayati dalam mengharungi sebuah perjuangan. Jangan kita menganggap Aidiladha adalah rutinan tahunan biasa. Pesta tahunan yang disambut hanya untuk bergembira. Ibadah korban bukan sekadar ritual yang berkala tetapi meletakkan jiwa sejauh mana pengorbanan kepada agama Allah S.W.T dalam menjalani kehidupan sehingga mampu mengenepikan kepentingan diri dan tuntutan peribadi.

Allah S.W.T menjadikan sejarah ini berlaku sebagai pedoman dan petunjuk bagi kehidupan pada masa hadapan. Islam mengajar umatnya untuk mengorbankan jiwa dan harta demi untuk menegakkan kalimah Allah S.W.T serta melaksanakan dakwah Islamiah.

Hidup ini adalah perjuangan. Perjuangan menuntut pengorbanan. Pengorbanan memerlukan ketabahan dan ianya harus bermula dari diri sendiri. Inilah yang kita pelajari daripada sirah Rasulullah S.A.W yang memberikan kekuatan dan persediaan dalam perjuangan. Maka perjuangan dalam dunia pendidikan pastinya memberikan impak yang maksima kepada pembangunan generasi Ulul Albab.


Kita korbankan masa, kita korbankan harta, kita korbankan kesenangan diri, kehendak nafsu, semuanya untuk mentaati Allah S.W.T. Bukan mudah untuk bersedekah, berwakaf dan berzakat tanpa pulangan wang semula, tetapi kita laksanakan untuk mentaati Allah S.W.T.

Justeru, marilah kita menjadikan Aidiladha yang disambut pada tahun ini sebagai satu titik tolak untuk kita terus bermotivasi dan komited bagi meningkatkan mutu dan nilai pengorbanan agar kita tergolong di kalangan hamba Allah S.W.T yang dirahmati.

Bersama kita berjuang dan berkorban membina masa depan KUIS yang lebih gemilang sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam yang bertanggungjawab melahirkan Da'i, Ulama dan Umara yang mampu memacu pembina generasi Ulul Albab yang akan mewarna kehidupan ini dengan menjadikan sebagai Islam is Way Of Life dan seterusnya membentuk Baldatul Tayyibatul Warabbul Ghafur.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga KUIS yang terus berusaha, berjuang dan berkorban untuk mempromosi KUIS khususnya dalam program Gerak Gempur KUIS fasa 2 bagi memastikan KUIS mencapai Universiti penuh pada tahun 2016.

Salam Aidiladha 1435 Hijrah
daripada saya dan
Pengurusan KUIS kepada
para mahasiswa, para
pensyarah, para pegawai
dan seluruh warga KUIS
yang diingati lagi dikasih
yang sentiasa berjuang
dan berkorban demi Jihad
Pendidikan Islam.
Semoga Allah SWT
merahmati kita semua
dan bersama
M E M A K N A I
PENGORBANAN
M E N J I W A I
PERJUANGAN.



PROGRAM IBADAH KORBAN PERDANA KUIS 1435H MENJALIN SEMANGAT UKHUWAH DI ANTARA WARGA KUIS

BANDAR
SERI PUTRA, 8 Okt

2014 – Mengambil iktibar

sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Ismail a.s di dalam menyambut Aidil Adha maka Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan kerjasama Masjid Al Azhar KUIS telah melaksanakan program ibadah Korban bagi memaknai pengorbanan dan menjawai perjuangan.

Oleh : Halim Mokhtar
Pejabat Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan)

Bertempat di Masjid Al Azhar, program ibadah korban bermula pada jam 7.30 pagi dan sebanyak 6 ekor lembu bersedia untuk dikorbankan. Dengan semangat ukhuwah dan kerjasama aktiviti gotong royong melibatkan 400 warga KUIS yang terdiri daripada para pensyarah, para pegawai universiti, dan para mahasiswa KUIS yang bersama-sama menguruskan program ini bermula dari kerja-kerja menyembelih, melapah, pengagihan daging dan memasak. Ybhg Rektor KUIS Prof Madya Dato' Dr Ab. Halim bin Tamuri dan Pengurusan KUIS turut hadir di dalam program ini.

Proram ini telah berjaya dilaksanakan berkat kerjasama yang mantap dari warga KUIS. Sarapan pagi disediakan secara tabarruk dari setiap Fakulti, Bahagian atau individu menyumbang makanan untuk menjayakan program ini.

Kemuncak program ini adalah jamuan tengahari bersama warga KUIS dan seramai 1500 orang turut sama di dalam menikmati jamuan yang telah disediakan. Semoga program ini dapat menjalinkan dan mengeratkan semangat ukhuwah di antara warga KUIS serta sentiasa diberkati Allah SAW.



Wawancara khas bersama Dr. Syukri Ab. Rahman:

Pembangunan Akademik dan Penyelidikan KUIS



KUIS sedang berkembang dengan pesat dari aspek pembangunan akademik dan penyelidikan. Bagi mendapatkan maklumat lebih tepat, wawancara khas bersama **Y.Bhg. Dr. Syukri Ab Rahman**, Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) KUIS telah diadakan oleh wartawan Buletin Horizon iaitu **Pn. Ani Abd Jalil** dan **En. Mohd Hanif Mat Noor**. Ikuti hasil wawancara khas tersebut yang diadakan pada 10 Oktober 2014.

Bagaimakah struktur fakulti dan pusat pengajian yang diamalkan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)?

KUIS mempunyai empat fakulti iaitu Akademi Islam, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, dan Fakulti Pendidikan serta satu Pusat Asasi. Setiap fakulti mempunyai 'niche' yang tersendiri sebagai contoh Akademi Islam yang menawarkan program bersifat keislaman seperti Syariah, Usuluddin, al-Quran dan as-Sunnah, Dakwah dan Perundangan Islam. Begitu juga dengan fakulti-fakulti lain yang menekankan kepada program profesional keperluan industri berteraskan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Pusat Asasi KUIS pula ditubuhkan untuk menjadi 'feeder' dan laluan pantas ke program Ijazah Sarjana Muda. KUIS juga telah menubuhkan Pusat Pengajaran Teras yang mengendalikan matapelajaran wajib MQA dan wajib universiti dengan lebih sistematik. Selain itu, KUIS telah menubuhkan Pusat Pengajaran Siswazah bagi mengendalikan program-program Sarjana dan Doktor Falsafah. Terdapat lima struktur akademik KUIS iaitu matapelajaran wajib Kolej Universiti, matapelajaran umum (MPU), matapelajaran wajib fakulti matapelajaran major dan minor, dan matapelajaran elektif. Dari segi bidang pengajian, KUIS menawarkan bidang pengajian

merentasi disiplin antaranya pengajian Islam, pengajian perniagaan, perbankan Islam, bahasa dan komunikasi ICT dan multimedia dan pendidikan.

Bagaimakah dasar berkaitan nisbah pensyarah dan pelajar KUIS, dan apakah komen Dr. sebagai Pengurusan Tertinggi KUIS?

Dasar berkaitan nisbah pensyarah dan pelajar adalah seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 1**. Manakala nisbah pensyarah dan pelajar berdasarkan maklumat terkini (8 Oktober 2014) adalah seperti dalam **Jadual 2**. Dari pada nisbah tersebut, kita dapat lihat beberapa fakulti dan pusat masih kekurangan pelajar. Justru itu, KUIS sedang giat berusaha untuk menambah bilangan pelajar. KUIS mensasarkan kemasukan pelajar sesi II 2014/2015 seramai 1500 pelajar. Usaha ini akan berterusan bagi memastikan penggunaan fasiliti pengajaran dan pembelajaran sedia ada sepenuhnya, menjamin keseimbangan nisbah pensyarah dan pelajar demikian kakitangan sokongan serta menjamin kestabilan kewangan KUIS. Hal ini amat penting dalam menjayakan agenda KUIS untuk mencapai status universiti penuh menjelang 2016.

KUIS telah meletakkan matlamat untuk mencapai status universiti penuh pada tahun 2016. Apakah persediaan yang telah diatur setakat ini dari sudut pembangunan program akademik, pensyarah dan pelajar?

Bagi persediaan pembangunan akademik untuk mencapai status universiti penuh menjelang 2016, KUIS telah menetapkan halatuju akademik berpandukan Pelan Strategik 2014 – 2018 yang telah dirancang pada awal tahun 2014 iaitu melaksanakan program akademik terkini berteraskan tauhid melalui pendidik terbaik dibantu peralatan dan prasarana lengkap. Di samping itu, KUIS telah menawarkan program-program di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, antaranya Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Muamalah), Sarjana Syariah (Pengurusan) dan PhD Islamiyyat (Syariah/Usuluddin/Pengajaran Islam/ Pengajaran Perniagaan-Perspektif Islam / Bahasa dan Kesusasteraan). Program-program tersebut dikendalikan oleh Pusat Pengajaran Siswazah. Selain itu, pihak fakulti dan Pusat sedang merancang menawarkan program-program baharu di setiap peringkat pengajian. Sejak dengan itu, KUIS bertekad untuk menjadi institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa dan pelopor di kalangan pendidikan tinggi swasta berteraskan Islam.

Selain itu, pembangunan pensyarah juga merupakan pra syarat penting pencapaian status universiti penuh. Pada akhir tahun 2013, KUIS telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Akademik yang terdiri dari beberapa sekretariat antaranya Pembelajaran dan Pengajaran, Penyeliaan, Psikologi, Penyelidikan dan Penulisan, dan Pengukuran. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksanakan kursus dan latihan kepada para pensyarah bagi membangun potensi mereka dalam bidang akademik agar mampu mendepani arus perdana berpaksikan ilmu aqli dan naqli.

Dari sudut pembangunan pelajar pula, KUIS telah mewajibkan program usrah kepada semua pelajar. Ia dilihat sebagai medium tarbiah yang amat berkesan dalam melahirkan pelajar yang berwawasan dan mempunyai jati diri yang kental sebagai mukmin yang soleh. Selain itu, Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM) giat mempertingkatkan kepimpinan pelajar melalui persatuan dan program-program yang dirancang bersama pihak fakulti dan pusat. Dari sudut yang lain, potensi insan diketengahkan agar bakat-bakat pelajar dapat digilap melalui program-program yang dijalankan dan dikendalikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Pelaksanaan program mentoring juga memainkan peranan yang penting dalam mendidik dan membimbing pelajar secara lebih dekat dan lebih berkesan. Pelajar juga diwajibkan menjalankan program khidmat ummah (CSR) agar mereka lebih prihatin terhadap masyarakat dan persekitaran. Kesimpulannya, sistem pendidikan KUIS tidak hanya menekankan aspek pengisian ilmu dan kemahiran kepada pelajar, bahkan menekankan aspek pembinaan akhlak dan sahsiahan sebagai da'i, ulama dan umara'.

Apakah kekuatan dari sudut kurikulum di KUIS yang boleh dibanggakan dan menjadi tunjang kepada kejayaan pelajar?

Kurikulum KUIS adalah berteraskan tauhid dan bersifat sepadu di antara ilmu aqli dan naqli dimana subjek pemahaman agama Islam seperti subjek Fiqh, Aqidah, al-Quran, Tafsir dan Bahasa Arab menjadi teras kepada kekuatan kurikulum selain pelajar-pelajar mempelajari subjek-subjek pengkhususan mereka. Selain itu, kurikulum KUIS juga berdaya saing, kompositif dan berkualiti relevan dengan keperluan semasa kerana ia digubal berasaskan kajian keperluan pasaran kerja, industri, masyarakat dan garis panduan MQA.

Kita semua faham bahawa kebanyakan universiti di Malaysia bersaing memajukan penyelidikan dan pembangunannya. Sejauh manakah pembangunan penyelidikan di KUIS dalam misi mencapai status universiti penuh 2016?

Sebagai satu usaha membudayakan penyelidikan dalam kalangan pensyarah, KUIS telah memperuntukkan sebanyak RM118,000.00 untuk dana penyelidikan dalaman pada tahun 2014. Dana tersebut telah dibahagikan kepada 14 kumpulan penyelidikan. Selain daripada dana dalaman KUIS, terdapat 6 penyelidikan lain mendapat suntikan dana daripada organisasi luar. Terdapat tiga (3) dana daripada MAIS, dua (2) penyelidikan LZS, dan satu (1) daripada JPUUM.

KUIS melalui PPP telah menghantar empat (4) permohonan geran FRGS Fasa II pada hujung bulan Ogos 2014 dan sehingga kini sedang menunggu jawapan status permohonan tersebut daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KUIS telah memperuntukkan RM 1 juta untuk dana penyelidikan berimpak tinggi dan inovasi bagi tahun 2015.

Bermula tahun 2013, KUIS melalui PPP telah mengisi data MyRA secara atas talian (EMyRA). Data MyRA ini penting sebagai salah satu penilaian Universiti Penuh.

Selain itu, pada tahun 2014 KUIS telah memperuntukkan RM30,000 kepada setiap fakulti dan Pusat sebagai dana suntikan untuk penganjuran seminar dan persidangan. Peruntukan tersebut merupakan komitmen pihak pengurusan KUIS bagi meningkatkan dan memperkasaan penyelidikan dan penerbitan dalam kalangan pensyarah. Sejak dengan itu, pihak fakulti dan pusat telah menganjurkan banyak seminar dan persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Bagi memartabatkan pembangunan penyelidikan dan penerbitan di KUIS dalam misi mencapai status universiti penuh 2016, KUIS telah menaiktaraf Pusat Pembangunan Penyelidikan (PPP) kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) berkuatkuasa 1 Januari 2015.

Adakah KUIS telah merancang untuk penambahan program baharu dan membuka tawaran untuk pengajian jarak jauh yang sangat terhad pada masa ini?

Pihak fakulti telah merancang untuk penawaran program baharu pada masa akan datang sebagai persediaan Universiti penuh 2016. Antara program baharu yang akan ditawarkan ialah Sarjana Muda Pendidikan dengan Multimedia, Bachelor of Education TESL with Multimedia, Sarjana Pendidikan, Sarjana Muda Syariah dengan Muamalah, Diploma Perguruan Eksekutif Pendidikan Islam, Sarjana Pentadbiran Pendidikan, Sarjana Komunikasi, PhD Pendidikan dan beberapa program yang telah dirancang.

Selain itu, fakulti juga sedang merancang untuk mewarkan program pengajian jarak jauh dan berbentuk kursus dalam cuti (KDC) bagi beberapa program yang akan digubal namun tertakluk kepada garis panduan MQA.

Bagaimakah penganjuran seminar bersifat tempatan dan antarabangsa dilaksanakan dalam kesibukan para pensyarah dengan P&P?

Penganjuran seminar diletakkan di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Seminar di setiap fakulti dan Pusat. Perancangan seminar dan persidangan dibuat berdasarkan kepada Pelan Strategik 2014-2018 dan KPI tahunan. Para pensyarah dilibatkan dalam penganjuran seminar sebagai urusetia secara penggiliran dan perjalanan seminar dibantu oleh pelajar bagi melatih mereka dalam aktiviti penganjuran program. Pembahagian tugas bagi urusetia seminar juga diberi berdasarkan kepada mod pengajaran serta jawatan sedia ada pensyarah di fakulti. Kesibukan P&P tidak dapat dinafikan tetapi dengan semangat kerjasama dan kerja berpasukan, seminar dapat dianjurkan. Insya Allah belajar dari pengalaman akan memperkasakan lagi kerja berpasukan.

Bagaimakah peranan para pensyarah untuk mendidik pelajar KUIS dalam melahirkan para Da'i, Ulama dan Umara'?

Semasa sesi P&P para pensyarah perlu menyampaikan ilmu secara bersepada antara ilmu aqli dan naqli. Selain itu, para pensyarah perlu menerapkan dan melatih pelajar mengaplikasi teori-teori pembelajaran dalam program-program khidmat ummah. Para pelajar juga dibimbing untuk merancang, melaksanakan program di

peringkat jabatan dan persatuan masing-masing. Akhirnya para pelajar dititikberatkan "soft skill" semasa sesi pembelajaran seperti pembentangan, pengucapan awam dan menjadi ketua begitu juga semasa aktiviti mentor mentee. Para pensyarah di KUIS bukan sahaja menjadi pengajar bahkan mereka menjadi pembimbing dan pendidik ke arah kecemerlangan akademik dan sahsiah berteraskan kepada kesepaduan ilmu dan berpaksikan tauhid.

Apakah harapan Dr. selaku Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan) terhadap pembangunan dan masa depan KUIS ?

Harapan saya agar wawasan status universiti penuh tahun 2016 akan menjadi kenyataan. Seterusnya saya amat berharap agar KUIS dapat mencapai status universiti wakaf yang pertama di Malaysia. Untuk itu, usaha-usaha sedang dan akan dilaksanakan oleh semua pihak dan warga KUIS.

Semoga KUIS akan terus mengorak langkah menjadi institusi pengajian tinggi Islam yang berjaya dalam arena pendidikan tanahair dan antarabangsa dalam melahirkan da'i ulama' dan umara' selain dapat menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

JADUAL 1 : Dasar Nisbah Pensyarah Nisbah Pensyarah dan Pelajar KUIS

Kategori	Fakulti /Pusat	Nisbah Pensyarah:Pelajar
Bidang pengajian sains sosial	AI, FPM, FP, PPT, FSTM, Pusat Asasi	1:25
Makmal komputer	FSTM dan fakulti terlibat	1:20
Kursus -kursus bahasa	PPT	1:60
Hafazan untuk pelajar tafhib	AI	1:15
Peringkat ijazah sarjana	AI & FPM	1:20

JADUAL 2 : Nisbah Pensyarah dan Pelajar KUIS (pada 8 Oktober 2014)

Fakulti/Pusat	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar	Nisbah
Akademi Islam	99	2544	1:26
Fakulti Pengurusan & Muamalah	83	1398	1:17
Fakulti Pendidikan	23	621	1:27
Fakulti Sains & Teknologi Maklumat	32	418	1:13 (kuliah 1:25, makmal 1:20)
Pusat Pengajaran Teras	56	5036	1:89
Pengajian Ijazah Sarjana di AI & FPM	8	20	1:3
Pusat Asasi	29	450	1:16
Jumlah Keseluruhan	322	5486	1:17

BENGKEL FUNGSI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KUIS

Oleh : Zulhizzam Hamzah

Bandar Seri Putra, 4 September , 2014 – Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) KUIS dengan kerjasama Seksyen Latihan dan Pembangunan (SLP), Bahagian Pengurusan Insan telah berjaya menganjurkan bengkel selama satu (1) hari pada 03 September 2014 untuk mendalami keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta fungsi-fungsi sebuah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Sesi bengkel dimulakan dengan pengenalan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 yang disampaikan oleh Timbalan Pendaftar KUIS Encik Zulhizzam Hamzah dan kewajipan untuk mengadaptasi keperluan Akta tersebut dengan keadaan semasa di KUIS.

Sesi bengkel diteruskan dengan slot kedua iaitu penerangan mengenai keperluan penubuhan sebuah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) serta fungsi jawatankuasa tersebut. Di akhir slot kedua sesi perbincangan dan soal jawab mengambil tempat agar setiap ahli jawatankuasa benar-benar memahami peranan mereka dan berupaya menterjemahkannya dalam bentuk tindakan.

Pada sebelah petang, sesi bengkel diteruskan dengan menganalisa beberapa model yang telah dilaksanakan di beberapa institusi pengajian tinggi lain. Institusi ini akan dijadikan *benchmarking* dalam usaha KUIS untuk mewujudkan dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang mempunyai teras dan identiti tersendiri.

Di akhir bengkel, pihak Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah berjaya menghasilkan deraf polisi keselamatan yang dijangka akan dilancarkan pada bulan Oktober 2014 beserta dengan garis panduan pelaksanaan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan KUIS yang berteraskan konsep 3E. Apa yang dimaksudkan dengan 3E?. Ianya akan dijelaskan di dalam keluaran Buletin Horizon yang akan datang.





PROGRAM MOTIVASI & KERJAYA BERSAMA USTAZ DON DANIYAL

Oleh : Arief Handoko
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi



AKTIVITI


15 Ogos 2014
Pusat
Konvensyen KUIS

Program motivasi dan kerjaya bersama Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid telah dianjurkan buat julung kalinya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama Selangor Darul Ehsan pada 15hb Ogos 2014.

Objektif utama penganjuran adalah bagi memberi pendedahan kerjaya dan motivasi kepada seramai 1300 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 dari sekitar Daerah Petaling dan Selangor. Program motivasi dan kerjaya yang berasaskan kepada perspektif Islam ini sangat menarik dan ianya dilihat dapat menjadi sebahagian pengisian rohani kepada remaja masa kini.

Ketua Bahagian Kaunseling Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama Yang Berbahagia En. Harun bin Othman yang turut hadir, melahirkan rasa bangga dan berpuas hati dengan intipati dan pengelolaan majlis. Beliau juga turut menyarankan agar program seumpama ini dapat dijalankan di Daerah sekitar Selangor amnya dan Daerah Petaling khususnya bagi memberi peluang kepada lebih ramai pelajar termasuk ibubapa dan guru.

Pihak penganjur ingin mengambil kesempatan mendoakan kepada semua pelajar tingkatan 5 yang akan menduduki peperiksaan SPM tahun ini berjaya dalam peperiksaan dan menjadi generasi harapan bangsa dan Negara.



MANFAAT DAN PRA-SYARAT

Strategi Pemasaran kepada Pelajar dan Alumni KUIS

Oleh : Mokhtar Hj. Ismail
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi



Persaingan di antara institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia untuk mendapatkan pelajar adalah sangat sengit. Pelbagai kaedah pemasaran dan komunikasi diguna pakai oleh semua IPT untuk menyampaikan maklumat kepada calon pelajar mengenai peluang pengajian tinggi yang terdapat di institusi masing-masing. Usaha ini dilakukan bagi memastikan calon pelajar mempunyai maklumat tepat sebelum memilih IPT yang sesuai.

Calon pelajar boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pelajar baharu dan pelajar sedia ada. Pelajar baharu merupakan individu yang belum pernah mengikuti pengajian di IPT yang berkenaan. Rekod mereka belum wujud dalam sistem pendidikan IPT tersebut. Manakala, pelajar sedia ada merujuk kepada pelajar semasa yang sedang mengikuti pengajian di IPT yang berkenaan. Alumni atau pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka dengan sempurna juga termasuk dalam kumpulan ini. Mereka telah wujud dalam sistem pendidikan IPT tersebut.

IPT menggunakan pelbagai strategi pemasaran bagi mempengaruhi kecenderungan calon pelajar yang terdiri dari pelajar baharu dan pelajar sedia ada serta alumni untuk mengikuti pengajian yang ditawarkan. Namun begitu, kebanyakan strategi pemasaran yang dipilih oleh IPT lebih tertumpu kepada usaha mendapatkan calon pelajar baharu. Antaranya ialah menyertai pameran pendidikan dan kerjaya, menyiarkan iklan dalam media cetak dan elektronik serta meningkatkan aktiviti pemasaran secara maya melalui Internet. Strategi pemasaran kepada pelajar sedia ada dan juga alumni tidak diberikan perhatian sewajarnya memandangkan kumpulan ini telah wujud dalam sistem pendidikan sesebuah IPT.

Sebagai sebuah IPT yang sedang berkembang pesat dan berwawasan mencapai taraf universiti penuh pada 2016, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor atau KUIS perlu meluaskan strategi pemasarannya mencakupi kedua-dua kumpulan iaitu pelajar baharu dan pelajar sedia ada yang sedang mengikuti pengajian di kampus. Begitu juga strategi pemasaran kepada alumni yang telah menamatkan pengajian dan kini sedang membina kerjaya dalam industri yang diceburi mereka. Rajah 1 menjelaskan secara ringkas model strategi pemasaran kepada pelajar dan alumni KUIS.

Manfaat atau kesan pemasaran kepada pelajar dan alumni adalah sangat besar terutamanya keatas jumlah keseluruhan pelajar dan pendapatan KUIS. Berikut ialah tiga bentuk manfaat yang bakal diperolehi oleh KUIS:

(i) ***"Repurchase"*** iaitu pelajar dan alumni mendapatkan perkhidmatan pendidikan tinggi yang seterusnya daripada institusi pengajian yang sama. Manfaat ini bermaksud pelajar sedia ada atau alumni KUIS menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di KUIS. Sebagai contoh, jumlah keseluruhan pelajar KUIS pasti meningkat dengan mendadak sekiranya nisbah atau peratusan pelajar lulusan diploma KUIS yang mendaftar sebagai pelajar baharu bagi program ijazah sarjana muda KUIS dapat ditingkatkan melalui strategi pemasaran yang berkesan. Kesudian pelajar untuk menyambung pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi di KUIS juga sebenarnya merupakan testimoni kepada keupayaan institusi ini memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajarnya.

(ii) ***"Recommendation"*** iaitu pelajar dan alumni sudi memberikan pandangan positif dan cadangan kepada rakan-rakan di luar sana supaya turut menyambung pengajian di institusi pengajian yang sama dengannya. Manfaat ini bermaksud pelajar dan alumni telah menjadi jurucakap paling berkesan bagi pihak KUIS. Sebagai contoh, pelajar dan alumni menceritakan pengalaman menarik yang dilalui semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di KUIS kepada rakan-rakan laman Facebook. Seterusnya, pelajar dan alumni mengesyorkan agar rakan-rakannya turut menyertai KUIS untuk mendapatkan pengalaman tersebut. Maklumat yang dikongsi pastinya mampu menarik minat ramai calon pelajar baharu untuk menyambung pengajian di KUIS. Begitu juga keadaannya apabila semua pelajar KUIS melibatkan diri dalam usaha pemasaran dan berjaya mendaftarkan seorang pelajar baharu. Jika semua 5,500 orang pelajar sedia ada pada Sesi I (Jun) 2014 / 2015 berjaya membawa masuk seorang pelajar baharu pada Sesi II (November) 2014 / 2015, KUIS akan mempunyai seramai 11,000 orang pelajar pada awal 2015. Jumlah keseluruhan pelajar KUIS akan meningkat sebanyak 100%!

(iii) **“Retribute”** iaitu pelajar dan alumni menyumbang kembali kepada KUIS secara positif, antaranya dengan melibatkan diri dengan aktif dalam usaha membangunkan KUIS melalui sumbangan wakaf, zakat, penajaan dan sebagainya. Sumbangan yang diberikan oleh pelajar amnya dan alumni khususnya amat diperlukan oleh KUIS dalam memastikan kelestarian institusi ini agar dapat diwarisi oleh generasi masa depan. Sebagai contoh, alumni KUIS yang bekerja dalam industri memilih untuk membuat potongan bayaran zakat pendapatan di Pusat Zakat KUIS. Sumbangan juga boleh diberikan oleh alumni dalam bentuk bimbingan dan perkongsian pengalaman bagi memperkasakan lagi keyakinan diri, kualiti kepimpinan dan ketrampilan pelajar KUIS.

KUIS pastinya mampu berkembang pesat seandainya tiga manfaat pemasaran yang tersenarai di atas dapat direalisasikan. Tambahan pula, aktiviti pemasaran kepada pelajar dan alumni KUIS tidak memerlukan peruntukan kewangan yang besar berbanding dengan aktiviti pemasaran kepada bakal pelajar baharu. Semua warga KUIS hanya perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sebaik mungkin mengikut spesifikasi kerja dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan. Disamping itu, semua warga KUIS perlu memberikan perkhidmatan dengan ikhlas dan mesra kepada pelajar dan alumni KUIS. Penyampaian perkhidmatan berkualiti, mesra dan ikhlas pastinya menyumbang kepada peningkatan tahap kepuasan pelajar dan alumni terhadap proses dan hasil pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta perkhidmatan sampingan yang diperolehi dari KUIS.

Bagaimanapun, terdapat pra-syarat yang perlu dipenuhi oleh KUIS sebelum dapat menikmati manfaat pemasaran seperti yang dibincangkan. Pra-syarat paling utama ialah KUIS perlu mempunyai pelajar dan alumni yang setia kepada institusi ini. Istilah setia bermaksud pelajar dan alumni sentiasa berpandangan positif kepada KUIS serta sedia bekerjasama dan membantu KUIS dalam jihad melahirkan lebih ramai *Dai’, Ulama dan Umara*. Kesetiaan pelajar dan alumni kepada KUIS hanya akan wujud sekiranya mereka berpuas hati dengan segala kemudahan dan perkhidmatan yang diperolehi dari KUIS. Persoalannya, bagaimanakah cara yang terbaik untuk memastikan setiap pelajar berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh KUIS? Jawapannya terletak kepada kemampuan KUIS memastikan reputasinya sentiasa terpelihara melalui perkhidmatan yang berkualiti dan imej korporat yang positif.

Kualiti perkhidmatan yang disediakan KUIS memainkan peranan paling penting dalam usaha memastikan manfaat pemasaran kepada pelajar dan alumni tercapai. Kualiti perkhidmatan mempengaruhi reputasi KUIS dan tahap kepuasan pelajar terhadap proses dan hasil pengajaran dan pembelajaran. Faktor tenaga dan kemahiran manusia amat mempengaruhi kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh KUIS. Sebagai contoh, kualiti program akademik yang ditawarkan oleh sesebuah fakulti amat berkait rapat dengan kualiti serta kepakaran pensyarahnya. Pensyarah yang ikhlas dan bersungguh-sungguh melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, pegawai pentadbiran yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan bersih, cekap dan amanah serta kakitangan bawahan yang menyokong urusan pentadbiran sesebuah akademi, fakulti, pusat, bahagian atau jabatan merupakan ramuan penting dalam usaha memberikan perkhidmatan berkualiti.

Beginu juga dengan infrastruktur yang disediakan oleh KUIS seperti masjid, perpustakaan, bangunan akademik dilengkapi dewan dan bilik kuliah, bangunan pentadbiran, kompleks sukan dan rekreasi dan sebagainya. Kualiti infrastruktur yang terdapat dalam kampus turut mempengaruhi kualiti perkhidmatan yang disampaikan oleh pegawai dan kakitangan KUIS. Disamping itu, kemudahan lain seperti khidmat pembangunan mahasiswa, kemudahan sukan dan rekreasi pelajar, kemudahan penjagaan kesihatan, keselamatan pelajar dan sebagainya turut menyumbang kepada kualiti perkhidmatan KUIS.

Selain kualiti perkhidmatan, imej korporat turut berperanan penting dan mempengaruhi reputasi KUIS. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), imej korporat KUIS yang positif dan dipandang tinggi oleh masyarakat Islam di seluruh negara telah sedia terbentuk. Tambahan pula, KUIS mempunyai hubungan yang baik dengan semua institusi di bawah MAIS, antaranya Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Hubungan baik ini menyumbang kepada pembentukan sinergi yang meningkatkan lagi imej positif KUIS pada pandangan Ummah. Apa yang perlu dilakukan oleh KUIS dan seluruh warganya ialah sentiasa memelihara dan memperkasakan lagi imejnya sesuai dengan motto dan *tagline* KUIS iaitu “Pemangkin Tradisi Ilmu” dan “DISINI LAHIRNYA DAI’, ULAMA DAN UMARA”

Antara pendekatan terkini untuk meningkatkan imej institusi ialah dengan cara mewujudkan perjawatan baharu seperti Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer* (CeIO) yang memantau proses penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh agar perkhidmatan yang disampaikan adalah telus dan berintegriti. Program CeIO ditawarkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia – sebuah institusi dibawah kelolaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). KUIS boleh menghantar beberapa pegawai kanan untuk mengikuti program ini sebagai mesaj kepada masyarakat umum bahawa KUIS amat prihatin kepada isu-isu berkaitan integriti organisasi dan individu.

Begini juga halnya dengan imej para pensyarah dan kakitangan pentadbiran yang bernaung dibawah institusi KUIS. Setiap individu berperanan untuk membentuk imej positif kakitangan KUIS pada pandangan pelajar, alumni dan masyarakat umum. Hubungan warga KUIS dengan pelajar dan alumni KUIS seharusnya berteraskan perasaan ikhlas, sedia bekerjasama, saling hormat menghormati dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Seperkara lagi yang amat penting dalam meningkatkan imej korporat KUIS ialah jaringan kerjasama dan pengiktirafan yang diperolehi dari institusi dalam dan luar negara. Lebih banyak kerjasama dan pengiktirafan diterima oleh KUIS, lebih meluas kepercayaan masyarakat kepada KUIS. Sebagai IPT bertaraf antarabangsa, KUIS memerlukan jaringan akademik dan ko-kurikulum yang merentas sempadan negara melalui kerjasama dipelbagai peringkat. Pengantaraan KUIS merupakan usaha mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi dari negara luar kepada sistem pendidikan gaya KUIS sehingga mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa mengikuti pengajian di kampus ini.

Sebagai penutup, strategi pemasaran kepada pelajar dan alumni KUIS menuntut komitmen yang padu daripada setiap warga KUIS. Semua pihak, tanpa mengira pangkat atau jawatan samada pensyarah, pegawai atau kakitangan pentadbiran, harus berusaha meningkatkan reputasi KUIS di mata para pelajar dan alumni. Keazaman untuk memberikan perkhidmatan paling berkualiti kepada pelajar dan alumni mengikut tugas dan tanggungjawab masing-masing perlu membara dalam diri setiap warga KUIS. Begitu juga dengan iltizam untuk memastikan imej organisasi KUIS sentiasa positif dan harum kepada pelajar, alumni dan juga masyarakat setempat dan antarabangsa.

Dengan perkhidmatan yang berkualiti dan imej korporat yang positif, reputasi KUIS akan terus meningkat. Perkara ini mampu memberi kesan kepada tahap kepuasan pelajar dan alumni terhadap semua perkhidmatan yang disediakan oleh KUIS. Pelajar dan alumni yang setia kepada KUIS hanya akan wujud setelah semua pra-syarat yang dibincangkan sebelum ini dipenuhi. Strategi pemasaran kepada pelajar dan alumni ini akan membolehkan KUIS mendapat manfaat dalam bentuk **repurchase**, **recommendation** dan **retribute** seperti yang dibincangkan.

Pra Syarat Strategi Pemasaran kepada Pelajar dan Alumni KUIS

1



Pelajar dan Alumni yang Setia

2




Pelajar dan Alumni berpuashati dengan proses dan hasil kerja KUIS

3



Reputasi tinggi KUIS berdasarkan :
a) Kualiti perkhidmatan Terbaik
b) Imej Korporat yang mantap



Rajah 1
Model Strategi Pemasaran kepada Pelajar dan Alumni KUIS.
 Penglibatan menyeluruh dari semua warga KUIS amat diperlukan.
 Setiap individu yang berkhidmat di KUIS mempunyai peranan masing-masing untuk menjayakan strategi pemasaran ini.

GERAK GEMPUR 2.0 TUMPUAN KEPADA MASYARAKAT UMUM

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Penglibatan semua kakitangan KUIS dalam mempromosi dan memperkenalkan KUIS kepada masyarakat umum amat diperlukan memandangkan KUIS kini dalam usaha meningkatkan jumlah pengambilan pelajar baharu untuk sesi II (November 2014). Antara sasaran utama Projek Khas Gerak Gempur Fasa II ini ialah calon pelajar yang memohon kemasukan ke Sesi I (September 2014) IPTA tetapi tidak berjaya, calon pelajar berkelulusan SPM dan STPM yang masih belum memohon kemasukan kemana-mana IPTA atau IPTS (samada sedang bekerja atau menganggur) dan Calon pelajar lepasan diploma dan sarjana muda dari IPTA/ IPTS lain yang berminat untuk menyambung pelajaran.

Gerak Gempur Fasa II ini bermula dari 15 September 2014 dan berakhir 15 November 2014. Kakitangan KUIS yang menyertai Gerak Gempur (Fasa II) boleh bergerak secara solo atau membentuk kumpulan pemasaran yang terdiri daripada 2 ke 3 orang bagi setiap kumpulan. Peserta Gerak Gempur perlu mengenal pasti lokasi pemasaran yang menjadi tumpuan orang ramai terutamanya calon pelajar dan ibu-bapa. Antaranya:

- (a) Masjid Jamik Daerah (solat Jumaat).
- (b) Urban Transformation Centre (UTC).
- (c) Rural Transformation Centre (RTC).
- (d) Kawasan perumahan dalam kem Angkatan Tentera Malaysia.
- (e) Kawasan perumahan dalam kem Polis Diraja Malaysia.
- (f) Kawasan perumahan awam.
- (g) Pasar Tani Mega/ Pasar Tani/ Pekan Hari/ Pasar Malam.
- (h) Pasaraya/ Hypermarket.
- (i) Acara keramaian anjuran NGO/ organisasi korporat/ masyarakat
- (j) Pusat- pusat Tuisyen
- (k) Lain-lain lokasi yang bersesuaian.

Dengan sambutan dan komitmen daripada kakitangan KUIS pada Gerak Gempur Fasa 1 yang lepas, Gerak Gempur Fasa II ini adalah usaha berterusan daripada kakitangan KUIS dalam menyebarkan informasi berkenaan KUIS kepada masyarakat dalam meningkatkan jumlah pelajar baharu. Segala usaha murni dan bantuan ikhlas daripada kakitangan yang komited amatlah dihargai agar KUIS terus mengorak langkah mencapai status universiti penuh menjelang 2016.



MAJLIS HI-TEA ALUMNI KISDAR-KUIS

Pada 6 september 2014 Seksyen Alumni dan Rundingcara (SAR) dengan kerjasama Persatuan Alumni Kuis telah menganjurkan Majlis Hi-Tea Alumni KUIS 2014. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Ybhg Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Halim Bin Tamuri selaku rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Tujuan utama majlis ini dianjurkan adalah untuk menjalankan rangkaian ukhuwah dan silaturrahim di antara Alumni KISDAR-KUIS bermula tahun 1998 sehingga 2014. Dengan bertemakan "bertemu untuk sebuah persahabatan" majlis alumni yang dianjurkan ini dilihat berlangsung dengan cukup meriah sekali apabila berjaya menemukan seramai 200 orang Alumni beserta keluarga dalam suasana majlis yang santai, mesra dan ceria.

Majlis Hi-Tea Almuni Kisdar-Kuis bermula dengan ucapan daripada rektor KUIS Ybhg Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Halim Tamuri. Dimana beliau dilihat begitu komited mahu memberi penekankan yang lebih mengenai usaha dalam memperkasakan peranan Alumni KUIS. Menurutnya lagi, Alumni semestinya dapat menjadi platform utama di dalam membantu KUIS untuk mencapai ke arah sebuah Universiti Wakaf dan berharap Alumni kembali menyumbang kepada KUIS dalam apa juga bentuk sumbangan khususnya Dana Wakaf ilmu KUIS. Hasil daripada ucapan Ybhg Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Halim Tamuri telah memberi suntikan semangat yang baru untuk Persatuan Alumni KUIS untuk mengorak langkah dalam membantu mencapai misi dan visi KUIS pada masa akan datang.

Majlis ini turut dihadiri oleh Rektor KUIS Ybhg Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Halim Tamuri dan isteri, Dr Mokmin Bin Basri Timbalan Rektor Pembangunan Mahasiswa dan Alumni Pengerusi Persatuan Alumni KUIS Ustaz Sapie Sabilan, Ustaz Don Daniyal Don Biyajid sebagai tetamu jemputan. Selain daripada jamuan ringan, majlis ini turut diselitkan dengan beberapa aktiviti santai seperti takzirah ringkas "10 minit Ustaz Don" dan juga cabutan bertuah.




Majlis penyampaian hadiah bagi cabutan bertuah telah disampaikan oleh Ybhg Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Halim Tamuri ,Dr Mukmin Basri Ustaz Sapie Sabilan serta Ustaz Don Daniyal Don Biyajid. Majlis Hi-Tea Almuni KISDAR-KUIS di akhiri dengan sesi bergambar yang melibatkan semua warga Alumni KISDAR-KUIS dari tahun 1998 sehingga 2014 . Kenangan manis yang diabadikan didalam majlis tersebut sangat bermakna kerana ia telah meninggalkan memori yang cukup terkesan pada ingatan setiap alumni KUIS. Apabila sesi fotografi selesai, majlis diteruskan lagi dengan perlawanan bolasepak persahabatan di antara Alumni KUIS dan Pilihan KUIS. Semestinya aktiviti dan detik pertemuan ini diharapkan dapat melahirkan satu suasana mahabbah sepanjang hayat di antara setiap Alumni KISDAR-KUIS. Dimana secara tidak langsung mereka akan saling mendoakan di antara satu sama lain di dalam mencari keredaan Allah S.W.T di dunia dan di akhirat



Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang Dan Khidmat Setia Kepada Kakitangan KUIS

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi



Pada 20 Ogos lepas, seramai 175 penerima anugerah diraikan sempena majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Khidmat Setia (APC) yang dihadiri oleh lebih 400 orang yang terdiri daripada barisan pengurusan tertinggi KUIS serta seluruh kakitangan KUIS. Turut hadir bersama pegawai daripada Takaful Ikhlas Sdn Bhd. Majlis APC ini dimulai dengan ceramah oleh YBhg Ustaz Farid Ravi Abdullah dan seterusnya penyampaian amanat oleh Rektor KUIS, YBhg Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri.

Sekalung penghargaan kepada kesemua penerima anugerah yang terdiri daripada 175 orang dan Anugerah disampaikan oleh Pengurusan Tertinggi KUIS. Seramai 43 orang penerima anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 45 orang penerima Anugerah Emas, 79 orang penerima Anugerah Khidmat Setia dan 8 orang penerima Hadiah PhD. Majlis turut berbesar hati menerima sumbangan zakat pendapatan daripada Takaful Ikhlas sebanyak RM228,540.20 oleh wakil Takaful Ikhlas Sdn Bhd.

Diharap agar anugerah ini dapat memberi motivasi kepada penerima anugerah mahupun yang masih belum menerima agar terus memajukan diri demi pembangunan dan kejayaan KUIS di masa hadapan.



HALA TUJU PENDIDIKAN ISLAM DI SELANGOR

Khutbah Jumaat 10 Oktober 2014

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah SWT,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Iaitu dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya dan selamat di dunia serta di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**HALA TUJU PENDIDIKAN ISLAM DI SELANGOR**".

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Pendidikan mempunyai peranan dan impak yang besar dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pendidikan berkualiti dapat menjamin peluang kepada setiap individu untuk memperolehi dan mengekalkan kualiti kehidupan yang baik. Pendidikan berkualiti menurut Islam bukan sahaja bakal memberikan peluang kualiti hidup yang baik di dunia seperti kemampuan membentras kemiskinan, meningkatkan ekonomi, membina kestabilan hubungan sosial, membentuk masyarakat dan negara maju atau sebagainya. Tetapi hasil pendidikan berkualiti menurut Islam menjamin peluang kualiti hidup yang baik di dunia serta akhirat. Kualiti hidup yang terbaik merupakan satu kebahagiaan dan kesejahteraan yang diimpikan oleh setiap insan.

Sesungguhnya ilmu dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu ilmu keduniaan dan ilmu akhirat. Apabila setiap individu masyarakat telah mendapatkan pendidikan berkaitan ilmu keduniaan dan ilmu akhirat maka pasti dia terbimbing untuk mencapai kualiti hidup yang terbaik dan kecemerlangan di dunia serta akhirat.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Sesungguhnya pendidikan Islam menekankan pembangunan aspek spiritual, mental dan fizikal untuk melahirkan insan yang berperikemanusiaan dan benar-benar sempurna. Ia bukan sahaja mahukan pertambahan ilmu bahkan peningkatan kesempurnaan akidah, syariat dan akhlak. Justeru, antara ciri-ciri penting yang perlu dititik beratkan dalam pendidikan atau pengajian Islam ialah:

Pertama: Pendidikan dan pengetahuan yang membuatkan manusia mengenal Allah. Hakikatnya, inilah tujuan utama dalam ajaran Islam dan pendidikan Islam iaitu melahirkan generasi dan masyarakat yang kenal Allah dan patuh akan suruhan-Nya. Sesungguhnya, tujuan manusia dan jin diciptakan ialah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Zariyat ayat 56 bermaksud : *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.*"

Kedua: Pendidikan dan pengetahuan yang mengajarkan manusia berkaitan Islam secara syumul. Menuntut ilmu-ilmu Islam secara syumul merupakan kewajipan terhadap setiap umat Islam lelaki dan wanita. Berdasarkan nas-nas al-Quran dan al-Hadis yang berkaitan jelas bahawa Islam amat menggalakkan supaya umat Islam mestilah menjadi manusia yang berilmu, berpendidikan tinggi dan mampu menjadi umat yang terbaik di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya, segala ilmu berkaitan Islam yang diajar dan disebarluaskan mestilah bersifat sahih dan tidak bersifat melampau dan cuai. Sesungguhnya, ilmu Islam yang bersifat syumul dan sahih pasti tidak akan melahirkan individu yang bersifat ekstrem, fanatik dan prejudis kerana Islam merupakan agama yang membawa rahmat kepada sekelian alam.

Ketiga: Pendidikan yang mengajak manusia mengamalkan syariat Allah secara berhikmah. Mengajak manusia kepada Islam dan pengamalan syariat Allah SWT.

Secara berhikmah merupakan kaedah terpenting dalam aktiviti dakwah kepada Islam. Dakwah biasanya difahami sebagai usaha menyampaikan, mengajak atau menyeru bukan Islam untuk mengenali Islam, menerima dan menghayatinya. Namun hakikatnya dakwah itu memberi maksud yang lebih luas iaitu meliputi individu Muslim dan bukan Muslim. Dengan itu dakwah bermaksud mengajak seluruh manusia kepada mempercayai dan mentaati ajaran Islam serta syariat Allah SWT secara menyeluruh. Inilah antara aspek penting yang perlu ada dalam falsafah pendidikan Islam iaitu melahirkan insan yang mampu membawa manusia lain kepada penghayatan dan kesyuman Islam sebagai cara hidup.

Keempat: Pendidikan yang memperkasakan nilai-nilai akhlak dan budi pekerti yang luhur. Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda: "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan (manusia dengan) akhlak yang baik". (*Riwayat al-Bukhari*).

Berdasarkan hadis Nabi SAW di atas, dapatlah kita fahami bahawa ajaran Islam selain membawa manusia kepada mentauhidkan Allah SWT dan pengamalan kepada syariat yang benar, Islam juga mengajak manusia untuk menjadi insan yang indah budi pekerti bukan sahaja kepada sesama manusia tetapi kepada seluruh makhluk.

Kelima: Pendidikan yang menyebarkan pengetahuan Islam secara bersepada. Sesungguhnya Islam telah meletakkan asas-asas dan tatacara kehidupan secara umum seperti mengharamkan kezaliman, menegaskan keadilan dengan memberikan hak-hak tertentu kepada mereka yang layak dan sebagainya. Melalui usaha penyebaran pengetahuan Islam yang sahih dan pengetahuan lain yang bermanfaat dalam kehidupan, akan wujud manusia yang patuh terhadap suruhan dan larangan-Nya maka rahmat Allah SWT. akan dilimpahi dan dinikmati oleh seluruh masyarakat.



"Sesiapa yang inginkan (kejayaan) dunia maka hendaklah dia berilmu, sesiapa yang inginkan (kejayaan) akhirat maka hendaklah dia berilmudan sesiapa yang inginkan (kejayaan) dunia dan akhirat maka hendaklah dia berilmu".

Firman Allah SWT. di dalam surah al-A'raf ayat 96 bermaksud : *"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu penguriaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka Dengan azab seksa disebabkan apa Yang mereka telah usahakan"*

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Alhamdulillah, Negeri Selangor Darul Ehsan melalui Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan pihak lain yang berwajib telah menyediakan institusi pendidikan Islam bermula di peringkat bawah sehingga ke peringkat tertinggi.

Di peringkat rendah, Negeri Selangor Darul Ehsan memiliki Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TAKIS), Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) serta Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MIST) bertempat di Istana 'Alaiddin Bandar, Kuala Langat dan Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi (MIST) di Kampong Jawa, Klang serta lain-lain. Manakala di peringkat tinggi, Negeri Selangor Darul Ehsan memiliki Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor atau KUIS dan Universiti Industri Selangor atau UNISEL sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi milik penuh MAIS dan kerajaan Negeri Selangor.

Sekiranya ditinjau objektif penubuhan KUIS dan UNISEL, ianya bertujuan untuk menjadi sebuah gedung ilmu bertaraf antarabangsa dan pelopor di kalangan institusi pendidikan tinggi swasta berteraskan Islam. Selain itu, KUIS dan UNISEL mensasarkan untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangun dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam. KUIS dan UNISEL juga berperanan sebagai tempat alternatif bagi lepasan sekolah-sekolah di Negeri Selangor atau anak-anak Selangor untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya dalam pelbagai bidang pengajian.

Dalam membentuk dan mendidik generasi umat yang seimbang di dunia dan akhiratnya. KUIS dan UNISEL ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan insan soleh lagi profesional yang mampu mendepani pelbagai cabaran dan perubahan semasa serta cemerlang di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada khutbah pada hari ini ialah :-

Pertama: Islam merupakan agama yang menekankan kepentingan ilmu dan pendidikan dalam kehidupan.

Kedua: Pendidikan mempunyai peranan dan impak yang besar dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara. Dengan pendidikan yang berkualiti setiap individu masyarakat akan mencapai kebahagiaan, kesejahteraan dan kemajuan.

Ketiga: Pendidikan berkualiti menurut Islam bukan sahaja bakal memberikan peluang kualiti hidup yang baik di dunia ini, bahkan menjamin peluang kualiti hidup yang baik di dunia dan akhirat.

Keempat: Pendidikan Islam menekankan pembangunan aspek fizikal, mental dan spiritual untuk melahirkan insan yang benar-benar sempurna dari sudut kepercayaan (akidah), pengamalan (syariat) dan kelakuan (akhlak).

Kelima: Usaha memperkasa institusi pendidikan Islam di Negeri Selangor dapat dijayakan oleh setiap individu iaitu dengan memastikan bahawa diri, keluarga dan masyarakat telah mendapat pendidikan Islam yang sewajarnya.

Keenam: Umat Islam di Negeri Selangor diseru untuk sama-sama menyokong dan memartabatkan institusi pendidikan Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan.



“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan”.

(al-Mujaadalah : 58 :11)



oleh :
Ustaz Wan Haslan Khairuddin,
Pensyarah Jabatan Usuluddin,
Akademi Islam KUIS

Ekspedisi Qurban ke Kemboja 2014

Oleh : Safwan bin Ahmad
Fakulti Pendidikan

Seramai 4 orang pegawai KUIS telah menyertai Program Ekspedisi Qurban ke Kemboja pada 7-9 Oktober 2014. Mereka adalah ustaz Mohamed Fairooz bin Mohamed Fathillah dan Ustaz Maad bin Ahmad Pensyarah Pusat Pengajian Teras (PPT), Ustazah Wan Ramizah binti Hasan Pensyarah Akademi Islam dan Safwan bin Ahmad Penolong Pendaftar Fakulti Pendidikan.

Sebanyak 124 ekor lembu dan 43 ekor kambing daging qurban dan akikah telah diagihkan kepada penduduk Muslim Kemboja yang dianggarkan sekitar 4% daripada keseluruhan rakyat Kemboja iaitu sebanyak 500 ribu orang. Daging-daging ini telah diagihkan ke 54 kampung antaranya Poipet, Duelsber, Nimit, Bahut, Svay, Pas, Kebob, Pikut, Mbil dan lain-lain. Agihan utama adalah di Pondok Darul Hadith dan Pondok Darul Ulum yang diasaskan oleh Ustaz Afi bin Abdullah, Imam Masjid Jamek Fastabiqul Khairat, Batu 3, Shah Alam.

Ekspedisi ini diketuai oleh Ustaz Abdul Halim bin Abdullah A.M.N, A.M.W Pegawai Agama MAIWP dan juga Imam Besar di Masjid Imam Al-Ghazali Bandar Menjalara, Kepong. Beliau merupakan suami kepada Ustazah Wan Ramizah binti Hasan.

Aktiviti pada hari pertama ekspedisi adalah sesi kunjungan mesra bersama Mufti Kemboja iaitu Okhna Haji Kamaruddin di pejabatnya. Beliau mengucapkan terima kasih di atas keperihatinan rakyat Malaysia dalam membantu saudara seagama di Kemboja.


Pada hari kedua rombongan kami telah beramah mesra bersama YB Zakaria Adam, Naib Pengurus Majlis Tertinggi Hal Ehwal Agama Islam Kemboja, kami sempat mengadakan promosi kemasukan Pelajar KUIS kepada mereka.

Rombongan selamat sampai di KLIA pada 8.00 malam.



“A Public Lecture on The Importance of English Language”

Oleh : Fairuz Md Zin
Pusat Asasi



AKTIVITI

29 Ogos 2014
Auditorium Dr Zainuddin Jaffar, KUIS



Bahasa Inggeris adalah sama penting dengan mana-mana bahasa di dunia ini terutama sekali sekiranya mereka ingin berkomunikasi atau berdakwah dengan orang yang tidak bertutur dalam Bahasa Malaysia.

Nasihat ini telah diberikan oleh Encik Muhammed Iqbal B Ismail, Pengurus Am Syarikat SpencerAzizul Sdn. Bhd. yang telah secara sukarelanya hadir bagi memberikan ceramah umum bertajuk “The Importance of English” di Auditorium Dr Zainuddin Jaffar, KUIS pada 29 Ogos 2014.

Program anjuran pelajar-pelajar Semester 1 yang mengambil kursus FLEE 1113 (English I) serta dibantu oleh 6 orang bekas pelajar di bawah tunjuk ajar Puan Fairuz Bt Md Zin (Pensyarah Pusat Asasi) telah menyaksikan kehadiran yang amat memberangsangkan dalam kalangan para pelajar Pusat Asasi, KUIS.

Ianya juga telah memberi peluang kepada Encik Muhammed Iqbal untuk berkongsi tentang kepentingan Bahasa Inggeris terutamanya kepada pelajar-pelajar yang sedang menyambung pengajian dan bakal bergraduasi serta memulakan kehidupan bekerjaya pada masa akan datang.

Beliau yang mempunyai 33 tahun pengalaman di dalam kerjaya dan juga mantan Yang Dipertua PIBG Sekolah Rendah Agama Bandar Seri Putra itu juga menegaskan, selain kemahiran berbahasa, para pelajar juga digalakkan untuk menimba ilmu-ilmu berkaitan keagamaan, adab dan sahsiah bagi mengukuhkan jati diri seseorang pelajar dan melahirkan bakal insan bekerjaya yang cemerlang serta seimbang rohani dan jasmani.



Sambutan Hari Raya Peringkat Kuis Rapatkan Ukuwah

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat KUIS yang berkonsepkan gerai disambut sederhana tetapi meriah serta penuh barakah. Sehari sebelum majlis AJK setiap gerai bersungguh-sungguh menghias gerai masing-masing. Terdapat pelbagai juadah raya seperti kambing bakar, ketupat, lemang beserta rendang, aneka mee, aneka pencuci mulut dan pelbagai hidangan sampingan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk merapatkan silaturrahim sesama kakitangan kerana kesibukan masa dan kekurangan waktu bersua atas faktor tugas masing-masing dapat dikumpulkan dalam satu majlis jamuan ini. Majlis ini juga sebagai sesi perkenalan antara kakitangan baharu dan lama supaya ukhuwah sesama kakitangan sentiasa terjalin disamping menikmati menu raya yang tersedia.

Kemuncak program ini adalah penyampaian hadiah gerai terbaik (tempat pertama hingga kelima) serta hadiah khas (gerai terlajak laris) juga turut disediakan bagi memeriahkan majlis sambutan hari raya ini. Program tamat sekitar jam 1.30 petang.



KUIS BERJAYA MELAHIRKAN 1610 GRADUAN PADA KONVOKESYEN KE-17

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Alhamdulillah di atas rahmat Allah s.w.t, Majlis Konvokesyen ke-17 yang telah diadakan pada 26 & 27 Ogos 2014 lepas menyaksikan seramai 1,610 orang pelajar daripada empat fakulti layak menerima Ijazah dan Diploma masing-masing. Konvokesyen sidang pertama yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, mantan Dato' Menteri Besar Selangor merangkap Penggerusi Ahli Lembaga Pengarah KUIS berbesar hati menyampaikan Ijazah kepada para graduan. Konvokesyen kali ini adalah penganugerahan Ijazah dan diploma terakhir oleh YAB Tan Sri Dato Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim kepada graduan KUIS sebagai Menteri Besar Selangor.

Sebanyak 3 sidang konvokesyen dijalankan di mana sidang kedua yang dipengerusikan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa, Penggerusi MAIS, manakala sidang ketiga dipengerusikan oleh Rektor KUIS, YBhg Prof Madya Dato' Dr. Ab Halim Tamuri.

Konvokesyen KUIS kali ini memberi penghormatan kepada Allahyarham Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin iaitu mantan Imam Besar Masjid Shah Alam yang diwakili bala allahyarham Nurazira Binti Ahmad Bashir menerima skrol daripada YAD Dato Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa, Penggerusi MAIS. Allahyarham merupakan graduan Ijazah Sarjana Syariah (Pengurusan) yang sepatutnya bergraduasi pada konvokesyen kali ini. Sementara itu, konvokesyen kali ini turut menyaksikan KUIS melahirkan seorang graduan orang kurang upaya (OKU), Muhammad Nur Firdaus Toh Bin Abdullah, 27, yang mengalami kecacatan anggota.

Turut hadir dalam majlis konvokesyen tersebut ialah Exco Pendidikan & Pendidikan Tinggi, Pembangunan Modal Insan, YB Dr. Halimah Ali, Exco Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian, Pembangunan Desa YB Tuan Sallehen Mukhyi, YB Tuan Mohd Shafie bin Ngah, ADUN Bangi, Penggerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), selain kehadiran beberapa wakil universiti tempatan serta kehadiran keluarga dan ibubapa graduan.

Tahniah kepada semua graduan KUIS!



KUIS – POLITEKNIK TINGKATKAN SINERGI BAHARU DALAM PENDIDIKAN

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ditawarkan untuk bekerjasama dengan Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia. Nota persefahaman (NoU) yang ditandatangi oleh Rektor KUIS Prof. Madya Dato' Dr Ab. Halim Tamuri dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Hj. Mohlis bin Jaafar sambil disaksikan oleh Dr Zulkifli bin Abd Hamid, Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan) KUIS dan Tuan Haji Zulkifli bin Samad, Pengarah Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik.

Persefahaman adalah pertama kali di Malaysia menyaksikan Jabatan Pengajian Politeknik dan IPTS membuat kerjasama akademik. Justeru, NoU ini membuka peluang serta memupuk hubungan individu di kalangan pensyarah, pelajar dan kakitangan kedua-dua institusi. NoU ini juga adalah bertujuan memudahkan pemindahan kredit program pengajian dari Program Diploma Politeknik ke Program Ijazah Sarjana Muda seperti bidang Pengurusan, Perniagaan, Perbankan, Teknologi Maklumat dan Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan di KUIS. Hasil daripada NoU ini diharapkan agar memudahkan penyertaan pelajar dari Politeknik ke KUIS. Pelajar yang akan ditawarkan satu laluan yang cekap dan kos efektif untuk pengajian lanjut di KUIS (tertakluk kepada keperluan kemasukan). Kerjasama yang meterai selama 5 tahun ini dijangka akan menguatkan lagi hubungan 2 hala antara KUIS dan Politeknik serta lebih banyak aktiviti ilmiah dan kegiatan pelajar serta kakitangan dapat dilakukan bersama demi pembangunan pendidikan di Malaysia.

Pengambilan pelajar baharu KUIS yang akan diadakan pada November 2014 membuka ruang kepada semua pelajar lepasan SPM, STPM, STAM, Diploma, Matrikulasi, Program Asasi dan Ijazah Sarjana Muda untuk menyambung pengajian yang lebih tinggi di KUIS. Bertitik tolak dari NoU ini, Jabatan Pengajian Politeknik menggalakkan pelajar lepasan diploma Politeknik di 33 cawangan seluruh negara untuk menyambung pengajian di KUIS. Selain itu, pihak KUIS juga menjemput para pelajar yang tidak berpeluang menyambung ke IPTA untuk terus melanjutkan pengajian di sini. Permohonan

bolehlah dibuat melalui talian di laman web KUIS www.kuis.edu.my

KUIS kini giat memperkenalkan program Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah serta menawarkan program-program baharu yang bersesuaikan dengan keperluan semasa di sektor awam dan swasta serta pembangunan ekonomi dan negara.



GERKO FEST

Oleh : Julia Madzalan
Fakulti Pendidikan

Pada 5, 6 dan 7 September yang lalu telah berlangsung acara GERKO FEST 10/2014 dan GERKO GAMES 2014 anjuran para pelajar Fakulti Pendidikan. Acara ini telah diadakan dengan melibatkan para pelajar semester 1, 2, 3 dan semester 4 (sepenuh masa dan separuh masa) dari program Diploma Perguruan Pendidikan Islam, Diploma TESL dan Diploma TASL.

GERKO FEST dengan tema Environment, I Care telah menyaksikan pelbagai acara dilangsungkan dengan mendapat sokongan padu daripada para pensyarah serta pentadbir fakulti. Manakala GERKO GAMES dengan tema "Sukan Menjamin Keharmonian Ummah" memperlihatkan kehebatan para siswa dan sisiwi di dalam acara sukan dan permainan yang dipertandingkan.

Secara dasarnya, program ini diadakan dengan tujuan untuk melatih para pelajar dari segi penganjuran acara, pelaksanaan aktiviti sukan dan permainan serta sebagai latihan bagi program Bina Insan Guru, iaitu program wajib bagi kursus perguruan sebelum pelajar berpraktikum.

Antara pengisian-pengisian yang terdapat di dalam program ini adalah mini perkhemahan, pertandingan masakan, acara sukan dan permainan dan sesi latihan dalam kumpulan yang rata-rata dijalankan oleh pelajar dengan penyeliaan oleh pensyarah subjek yang berkaitan.

Ini adalah selari dengan hasrat program iaitu melahirkan pelajar berketrampilan yang mampu berdikari dalam penganjuran program sekaligus menjadi latihan untuk memantapkan kemahiran insaniah yang amat diperlukan sewaktu di dalam alam pekerjaan nanti.

Bagi memeriahkan program ini, para pensyarah bagi subjek lain turut berinisiatif untuk mengambil bahagian untuk penganjuran acara pertandingan untuk subjek iaitu pertandingan Choral Speaking dan AVA Development from

Recycled Material bagi subjek berbahasa Inggeris dan persembahan teater bagi subjek Pendidikan Islam.

Kolaborasi pelbagai subjek bagi memeriahkan program GERKO FEST 10/2014 dan GERKO GAMES 2014 kali ini dilihat sebagai satu langkah permulaan bagi mewujudkan program yang lebih besar diperingkat fakulti dan seterusnya ke peringkat KUIS.

Adalah diharapkan program-program seperti ini akan terus mendapat sokongan dan galakan bagi meneruskan tradisi kecemerlangan ilmu di KUIS sekaligus menjadi pemangkin bagi melahirkan dai', ulama dan umara di kalangan bakal pendidik ini nanti.



SUKAN KAKITANGAN KUIS

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Tahniah diucapkan kepada semua Jawatankuasa dan penyelaras sukan kerana memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan Sukan Kakitangan KUIS. Sambutan penyertaan peserta sukan yang diterima memberangsangkan walaupun kebanyakannya para pensyarah berusaha membantu pelajar dalam minggu ulangkaji bagi menduduki peperiksaan akhir.

Sukan ini yang telah diadakan pada 17 September 2014 dan 18 September 2014 ini menawarkan 19 acara termasuk lelaki dan wanita. Antara acara yang di pertandingkan adalah bola sepak, bola jaring, bola tampar, karom, badminton, ping pong, sepak takraw serta permainan tradisional batu seremban dan congkak. Turut dipertandingkan adalah acara mengukur kelapa yang terbuka penyertaan kepada peserta wanita sahaja. Seramai lebih kurang 90 orang menyertai pelbagai permainan yang dipertandingkan. Penyampaian hadiah kemenangan disampaikan oleh Timbalan Rektor Mahasiswa & Alumni Dr Mokmin Basri dan Ketua Pustakawan, Hajah Noorlia Ramli.

Tujuan Sukan kakitangan ini adalah merapatkan ukhuwah sesama kakitangan disamping aktiviti sihat yang dapat menyihatkan tubuh badan. Antara lain ialah untuk memilih pemain bagi mewakili KUIS bagi acara sukan MAIS dan anak syarikat pada November nanti. Terdahulu, KUIS menjadi juara keseluruhan dengan menewaskan 4 syarikat di bawah MAIS termasuk MAIS sendiri. Harapan KUIS adalah mengekalkan kejuaraan berturut-turut!

Seluruh pihak Jawatankuasa Sukan Kakitangan KUIS mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta dan kakitangan serta orang yang membantu sukan ini. Turut mengambil kesempatan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan yang telah menyokong dan meluluskan kewanagan dalam menjayakan sukan KUIS ini.



PENYERTAAN KUIS DI AMBANG KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Sambutan Hari Kemerdekaan ke-57 peringkat Selangor di Dataran Shah Alam dirai penuh patriotik namun sederhana bagi menghormati tragedi pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 dan kehilangan MH370. Bertemakan "Selangorku Sejahtera, Rakyat Terbela" penghayatan sambutan Hari Kemerdekaan dapat dirasai di Selangor meskipun negara masih berada dalam suasana sedih ekoran tragedi malang itu.

Kontingen KUIS telah menghantar seramai 41 orang yang terdiri dari kakitangan dan pelajar KUIS untuk acara perarakan perbarisan yang turut disertai lebih 50 kontingen antaranya Rejimen Askar Melayu Diraja, Jabatan Imigresen Selangor, Institusi Pengajian Tinggi, Pancaragam Sekolah, badan beruniform, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan sebagainya. Majlis diakhiri sebaik sahaja tepat jam 12 malam, orang ramai melaungkan seruan "merdeka" yang diketuai oleh Dato' Menteri Besar sebanyak 7 kali dan nyanyian lagu Negaraku, Negeri Selangor dan Tanggal 31.

MALAYSIA...
Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta



Bual Bicara untuk topik Pemasaran Atas Talian (Online Marketing)

Oleh : Nor Rosmawati Abdul Karim
Fakulti Pengurusan dan Muamalah



Pelajar Kursus BMBK 3103 , Marketing Management telah menganjurkan program bual bicara bersama usahawan perniagaan dalam talian.

Para pelajar telah menjemput dua penceramah iaitu En Imran Koyobe , pengasas bersama iluvislam.com, dan En Bryan Gan , pengasas scarfsecret.com.

Objektif program adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang peluang perniagaan dan cara pemasaran menerusi kaedah perniagaan dalam talian dengan menjemput pakar dari bidang online marketing untuk berkongsi pengalaman dan memberi tips bagaimana untuk menceburkan diri dalam perniagaan online.



Musabaqah Tilawah Al-Quran Murid Pekak Kebangsaan Kali Ke-2

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Musabaqah Tilawah al-Quran murid pekak peringkat Kebangsaan kali ke-2 julung-julung kali yang di adakan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang disertai seramai hampir 200 peserta dan pegawai dari 13 buah sekolah pendidikan khas dari seluruh Malaysia. Antara acara-acara yang dipertandingkan termasuk tilawah al-Quran, hafazan, dan nasyid. Apabila menyebut tentang musabaqah tilawah al-Quran, pasti kita membayangkan qari yang duduk di astaka sambil membaca ayat-ayat suci al-Quran dengan alunan suara yang merdu. Bagi kita yang dilahirkan tipikal, tidak mungkin terjangkau di fikiran tentang kemungkinan atau keperluan untuk membaca al-Quran dengan menggunakan bahasa isyarat.

Hakikatnya, bahasa isyarat menjadi nadi kehidupan orang-orang pekak. Inilah ‘bahasa’ yang digunakan untuk berinteraksi dan membolehkan mereka berkomunikasi dengan orang lain. Di sekolah, bahasa isyarat menjadi medium yang membuka peluang bagi murid-murid pekak ini belajar seperti kanak-kanak tipikal.

Menyedari betapa pentingnya bahasa isyarat sebagai medium komunikasi bagi golongan pekak, Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Centre of Quranic Research (CQR) telah menganjurkan Musabaqah Tilawah al-Quran Murid Pekak 2014 yang berlangsung pada 10 hingga 12 Oktober 2014 bertempat di KUIS.

Murid-murid pekak yang menyertai musabaqah ini terdiri daripada mereka yang sudah mendapat pendedahan kepada Kaedah Fakih, kaedah berkesan yang menggunakan nombor dan warna. Kaedah Fakih juga digunakan untuk mengajar murid-murid pekak yang terlibat dalam Projek Rintis Fakih membaca al-Quran. Menurut pengasas Kaedah Fakih, Ustazah Nor ‘Aziah Mohd Daud, “Ramai yang masih kurang peka tentang betapa perlunya individu pekak berupaya untuk menghayati al-Quran. Orang

pekak sama sahaja seperti kita. Mereka juga mengalami masalah yang sama dengan kita, bahkan lebih banyak lagi. Al-Quran sememangnya adalah syifa’ (penawar) dan dapat memberi ketenangan apabila jiwa dirundung gelisah. Yang pasti, mukjizat al-Quran ini bukan sekadar untuk dinikmati orang tipikal sahaja. Banyak masalah individu istimewa, khususnya golongan pekak, yang boleh diselesaikan dengan al-Quran.”

Menurut Pengurus Yayasan FAQEH, Mohd Zaini Mat Abas, peluang untuk berkolaborasi dengan KUIS & CQR dalam menganjurkan musabaqah ini tidak dipersiahan. “Sememangnya matlamat Yayasan FAQEH adalah untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa, guru, masyarakat dan juga institusi berwajib tentang kepentingan pendidikan al-Quran serta ibadah bagi anak istimewa. Dengan penganjuran Musabaqah ini, diharapkan kita dapat sama-sama melenyapkan tanggapan bahawa anak-anak istimewa tidak perlu diberi pendidikan al-Quran.” Tambah beliau, komuniti Muslim Malaysia mahupun di benua lain sedikit terkebelakang dalam memenuhi keperluan individu istimewa dalam masyarakat. Antara contoh yang paling jelas, buat masa ini hanya ada satu program dakwah di media elektronik yang mendapatkan khidmat jurubahasa isyarat untuk memudahkan kefahaman orang pekak, iaitu program 30 Minit Bersama Ustaz Don. Ini lebih malang bila mana golongan pekak ini seperti tidak diraikan di mana-mana khutbah Jumaat.



Menurut Penasihat Yayasan FAQEH juga Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri amat berbesar hati menjadi tuan rumah sempana Musabaqah Tilawah al-Quran murid pekak Peringkat Kebangsaan kali ke-2 ini yang bertempat di KUIS. Beliau berharap agar program ini dapat diteruskan dan menjadikan program tahunan untuk peringkat kebangsaan dan program ini juga perlu diperluas ke peringkat antarabangsa. Bakat anak-anak ini perlu dikembangkan dan dipertontonkan kepada masyarakat agar mereka rasa dihargai dan ambil berat terhadap mereka. Kami berharap agar sokongan semua pihak dalam membantu golongan istimewa ini sebagai komuniti ‘senyap’ dapat dikembangkan agar golongan ini tidak terasa dipinggir oleh masyarakat normal serta membuka ruang bagi golongan ini menceburi pelbagai bidang mengikut kemampuan mereka.

Turut hadir merasmikan penutupan Musabaqah Tilawah al-Quran ialah Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Dr. Zulkifli Muhammad Al-Bakri, YBhg. Prof. Dato' Dr. M.Y Zulkifli bin Hj Mohd Yusoff, Ketua Centre of Quranic Research Universiti Malaya serta barisan tertinggi Yayasan FAQEH dan barisan Pengurusan Tertinggi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.



Pusat Zakat KUIS

PRIHATIN MASALAH KEWANGAN PELAJAR

Oleh : Siti Nursoleha binti Shah Razat
Pusat Zakat KUIS

Pusat Zakat KUIS (PZK) telah mula operasinya pada 1 Jun 2014 selepas dilantik sebagai penolong amil IPTS oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada bulan 21 April 2014. Kewujudan PZK ini adalah untuk membuat kutipan zakat daripada warga KUIS dan masyarakat luar di mana hasil kutipan tersebut akan diagihkan dan dimanfaatkan kepada pelajar-pelajar KUIS yang memerlukan. Bagi tahun 2014 PZK mensasarkan jumlah kutipan sebanyak RM500 ribu dalam usaha untuk memantapkan lagi perjalanan zakat di KUIS.

Antara fungsi PZK ini adalah untuk membantu meringankan beban pelajar-pelajar KUIS yang mempunyai masalah kewangan khususnya untuk menjelaskan yuran pengajian, keperluan sara diri dan keperluan lain yang telah ditetapkan oleh LZS. Melalui PZK ini dilihat mampu memberikan peluang dan ruang kepada pelajar KUIS yang mempunyai masalah kewangan melanjutkan pengajian walaupun dibiaya oleh PTPTN, MARA dan agensi lain.

Jumlah Agihan Zakat KUIS Mengikut Kategori Asnaf




Memandangkan jumlah kutipan belum mencapai sasaran maka pelbagai usaha sedang dibuat khususnya untuk membantu pelajar-pelajar KUIS yang sedang menuntut ilmu di jalan Allah ini. Jenis-jenis bayaran zakat yang diterima oleh KUIS tidak tertumpu kepada zakat simpanan dan pendapatan sahaja tetapi merangkumi semua jenis zakat seperti perniagaan, saham, KWSP, emas, perak, qadha dan harta.

Jumlah kutipan zakat bermula pada bulan Jun sehingga September 2014 adalah sebanyak

RM251,333.90. Daripada jumlah itu sebanyak RM59,025.40 layak diagihkan dan RM55,500.00 telah pun diagihkan kepada 162 orang pelajar KUIS mengikut kategori iaitu 54 orang asnaf fakir, 107 orang asnaf miskin dan 1 orang asnaf muallaf.

PZK mensasarkan kutipan yang lebih tinggi untuk masa akan datang disamping meningkatkan jumlah agihan dan jenis bantuan yang disediakan khusus kepada pelajar yang memerlukan. Justeru itu, melalui bantuan zakat ini bebanan kewangan yang ditanggung oleh asnaf dapat dikurangkan.

STATISTIK KUTIPAN ZAKAT KUIS MEI-SEPT 2014



IRCIEF (KUIS) Telah Meneraju Bengkel Keperluan Kajian Untuk Instrumen **Sadaqah** Dalam Industri Perbankan Berteraskan Prinsip Syariah Islam

oleh : Surianom Miskam
(IRCIEF) KUIS

Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF) KUIS telah menganjurkan Bengkel Keperluan Kajian untuk Instrumen Sadaqah Dalam Industri Perbankan Berteraskan Prinsip Syariah Islam pada 20 Oktober 2014 dengan kehadiran 38 peserta yang terdiri daripada para ahli akademik dan wakil-wakil industri perbankan dan kewangan Malaysia. Bengkel ini adalah langkah permulaan untuk merealisasikan hasrat pemenang anugerah '*The Royal Award for Islamic Finance 2014*', Dato' Dr. Abdul Halim bin Ismail yang juga merupakan pengasas Bank Islam Malaysia Berhad untuk memperkenalkan Sadaqah sebagai produk perbankan Islam. Hasrat beliau ini telah dikongsikan dalam ucapan beliau di Global Islamic Finance Forum (GIFF) 2014 pada 3 September 2014 yang lalu.

Program telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dato' Dr Ab. Halim bin Tamuri Rektor KUIS dan disusuli dengan tawjihat khas daripada Dato' Dr. Abdul Halim bin Ismail berkenaan Sadaqah sebagai produk perbankan Islam. Pada program yang sama, Bank Islam Malaysia Berhad telah menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM30,000.00 kepada KUIS untuk diagihkan kepada pihak yang berhak. Cek disampaikan oleh Encik Mohd Nazri bin Chik bagi pihak Bank Islam Malaysia Berhad kepada Rektor KUIS.

Sesi perkongsian idea yang dikendalikan oleh Encik Wan Rumaizi bin Wan Husin sebagai moderator dijalankan dengan pembahagian peserta kepada kumpulan berdasarkan bidang kepakaran iaitu Shariah, Undang-undang, Ekonomi, Perakaunan, Perbankan dan Kewangan dan Operasi. Resolusi bengkel telah dirumuskan oleh Pengarah IRCIEF Dr Latifa Bibi Musafar Hameed seperti berikut:

1. IRCIEF berhasrat menjadi pusat perkongsian ilmu untuk kajian berkaitan Sadaqah sebagai produk perbankan Islam yang menghimpunkan para ahli akademik dan pihak industri.
2. IRCIEF menjemput pihak yang berminat untuk mengemukakan kertas cadangan bagi menjalankan kajian berkaitan **Sadaqah** dan IRCIEF akan mendapatkan dana yang diperlukan daripada pihak-pihak berkaitan.
3. IRCIEF akan menganjurkan seminar dan persidangan bertemakan **Sadaqah** sebagai platform

kepada para ahli akademik dan pihak industri untuk berkongsi idea dan pandangan dalam usaha merealisasikan **Sadaqah** sebagai produk perbankan Islam.

Semoga bengkel ini menjadi 'kick off' untuk kajian mewujudkan **Sadaqah House** dalam sistem perbankan Islam di Malaysia. Harapan IRCIEF agar Sadaqah House dapat diwujudkan oleh bank-bank pada masa akan datang.



Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 (Kursus Pemantapan)

oleh: Ahmad Firdaus Mohamed Hanapi
Bahagian Penjaminan Kualiti

Bahagian Penjaminan Kualiti dengan kerjasama Seksyen Latihan, Bahagian Pengurusan Insan telah menganjurkan Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 (Kursus Pemantapan) untuk semua juruaudit dalaman MS ISO 9001:2008.

Kursus tersebut telah berlangsung selama 3 hari bermula 3 September 2014 sehingga 5 September 2014 (Rabu, Khamis dan Jumaat) bertempat di Impian Morib Hotel, Banting, Selangor. Peserta kursus terdiri daripada pegawai dan pensyarah yang telah dilantik sebagai juruaudit dalaman MS ISO 9001:2008 seramai 28 orang.

Kursus ini dijalankan adalah bertujuan memberikan pengukuhan audit kualiti dalaman MS ISO 9001:2008 kepada semua juruaudit dalaman yang sedia ada dan memberi latihan kepada semua juruaudit dalaman mengenai proses dan praktikal mengendalikan sesi audit dalaman MS ISO 9001:2008. Ia juga bertujuan untuk memperbaiki dan mengukuhkan fahaman juruaudit dalaman terhadap laporan audit yang disediakan.

Penceramah bagi kursus tersebut adalah Pn. Hjh Siti Rahmah bin Ahmad dari SIRIM berhad. Kursus ini juga dihadiri oleh Pengurusan KUIS iaitu Rektor KUIS, Prof Madya Dato' Dr. Ab Halim bin Tamuri dan Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan dan Pengantarabangsaan) KUIS, Dr. Zulkifli bin Abd Hamid.



PENGHARGAAN BUAT PENCIPTA LIRIK LAGU RASMI KUIS

Oleh : Mohd Hanif Mat Noor
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi



Mencipta lirik lagu rasmi KUIS merupakan sumbangan yang besar dan bermakna kepada seluruh warga KUIS. Pencipta lirik tersebut sewajarnya dihargai kerana atas sumbangannya dapatlah kita warga KUIS bersama-sama menyanyikan lagu "Pemangkin Tradisi Ilmu" sebagai jati diri kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Semenjak tahun 2009 lagu ini dimainkan, barulah kali ini sempena Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Rektor (17 Oktober 2014) pencipta lirik lagu tersebut diberi penghargaan. Penghargaan berbentuk Cenderahati dan sijil penghargaan disampaikan oleh YBrs. Dr. Zulkifli Abd Hamid kepada penerima iaitu Puan Azrina Hussin dari Bahagian Teknologi Maklumat.

Pemangkin Tradisi Ilmu

Indahnya Pandangan Di Mata
Halaman Wadah Menabur Jasa
Membangun Wawasan Mulia
Di Bawah Payung Mahkota

Ayuuhlah Sematkan Semangat
Pemangkin Tradisi Ilmu
Menggilap Permata Bangsa
Kemilau Seluruh Alam

Menyepadu Ilmu dan Amal
Berpaksikan Iman Yang Kental
Berbekalkan Jiwa Perkasa
Meniti Arus Perdana

Teknologi Ilmu Terkini
Kreatif Diri, Berinovasi
Menggapai Bintang Di Angkasa
Universiti Terus Berjaya

KENALI RAKAN SEKERJA ANDA

Oleh : Muzdalilah Muhammad
Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

Mulai keluaran ini, Buletin Horizon akan berkongsi biodata ringkas 2 orang kakitangan KUIS untuk membolehkan warga KUIS saling kenal mengenali antara satu sama lain. Mudah-mudahan terjalin ukhuwah yang erat sesama kita.



Nama : **Zalia binti Snan**

Nombor staf : 0258

Tempoh bekerja di KUIS : Bermula pada tahun 2001 (13 tahun di KUIS)

Bahagian : Seksyen Lanskap, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti

Nama Suami : Yunus bin Yusof (Pengawal keselamatan)

Anak-anak : 10 orang (2 orang telah pulang ke Rahmatullah sewaktu kecil). Sembilan orang anak telah mendirikan rumah tangga dan telah pun menimang cahayamata.

Pengalaman kerja : Telah bekerja di banyak tempat, yang terakhir sebelum bekerja di KUIS adalah di Kilang Dobi Aroma

Pandangan peribadi terhadap KUIS :

“ Saya amat seronok bekerja di KUIS dan berharap KUIS akan bertambah maju supaya gaji dapat bertambah dan dapat membela nasib semua pekerja. InshaAllah saya ingin terus bekerja di KUIS sehingga akhir hayat saya.”

Nama : **Mazlan bin Sabirin**

Nombor staf : 0420

Tempoh bekerja di KUIS : Bermula pada tahun 2004 (10 tahun di KUIS)

Bahagian : Seksyen Lanskap, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti

Nama Isteri : Rohana bt Che Mat

Anak-anak : 5 orang, 1 lelaki dan 4 orang perempuan Anak sulong ber nama Mazlina binti Mazlan, berumur 18 tahun sedang melanjutkan pengajian di KUIS dalam bidang Diploma Perakaunan Fakulti Pengurusan dan Muamalah.

Pengalaman kerja : Bekerja di Bahagian Lanskap Kilang

Pandangan peribadi terhadap KUIS : “Saya amat berpuashati bekerja di KUIS kerana ketua di sini sangat memahami pekerjanya. Suasana persekitaran KUIS amat mendamaikan dan hubungan sesama kakitangan yang amat baik. Saya berharap dapat menabur bakti di KUIS sehingga pencen.”





MOHON SEGERA!

KEMASUKAN NOVEMBER KINI DIBUKA!!

Mohon Atas Talian

www.kuis.edu.my



✓ Tawaran dibuka kepada Lepasan SPM | STPM | STAM | ASASI | DIPLOMA | IJAZAH |

✓ Yuran yang Kompetitif | Bantuan kewangan disediakan | Akreditasi oleh MQA

✓ Kolej Kediaman disediakan

✓ Pemindahan Kredit Ijazah Sarjana Muda untuk Lulusan Diploma IPTA & IPTS

Pembayaran Pendidikan



DI SINI LAHIRNYA
DA'I, ULAMA & UMARA



info@kuis.edu.my



+603 8911 7072 / 73 (Talian Umum)



+603 8926 8462

Doktor Falsafah

- PI01 Islamiyyat (PhD Islamiyyat)

Sarjana

- MG02- Sarjana Syariah (Pengurusan)
- MG01 - Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Muamalah)

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian)

- | | |
|--------|---|
| • BC01 | Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua |
| • BI01 | Syariah dengan Undang - Undang |
| • BI02 | Al-Quran dan Al- Sunnah dengan Komunikasi |
| • BC03 | Bahasa Arab (Terjemahan) |
| • BI03 | Usuluddin dengan Multimedia |
| • BI04 | Al-Quran dan Al-Qiraat |
| • BI05 | Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan |
| • BT01 | Teknologi Maklumat (Multimedia) |
| • BT02 | Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian) |
| • BT03 | Kejuruteraan Perisian Dengan Kepujian |
| • BB01 | Pentadbiran Perniagaan Dengan E-Dagang |
| • BB02 | Pengurusan Sumber Insan |
| • BB03 | Ekonomi dan Kewangan |
| • BB04 | Perakaunan |
| • BB05 | Kewangan Islam (Perbankan) |
| • BB06 | Kewangan Islam (Pasaran Modal) |
| • BC02 | Komunikasi (Penyiaran) |

Diploma

- | | |
|--------|--|
| • IS12 | Syariah |
| • IS14 | Pengajian Islam (Al-Quran dan Al-Sunnah) |
| • IS15 | Pengajian Islam (Dakwah) |
| • IS16 | Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat |
| • IS18 | Syariah & Perundangan Islam |
| • MS31 | Perakaunan |
| • MS32 | Pengurusan Perniagaan |
| • MS33 | Perbankan Islam |
| • MS34 | Pengurusan Sumber Manusia |
| • MS35 | Ekonomi |
| • CS41 | Komunikasi |
| • LS43 | Pengajian Bahasa Inggeris |
| • MS36 | Teknologi Maklumat (Multimedia) |
| • MS39 | Sains Komputer |
| • MS38 | Diploma Teknologi E- Dagang |
| • ES51 | Penguruan (TASL) |
| • ES52 | Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua) |
| • ES53 | Penguruan (TESL) |
| | Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) |
| | Penguruan (Pendidikan Islam) |

Asasi

- | | |
|--------|-----------------------------------|
| • FA01 | Kursus Asas Pengajian Islam |
| • FA02 | Pengajian Asasi Pengurusan |
| • FA03 | Pengajian Asas Teknologi Maklumat |
| • FA04 | Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab |
| • FA05 | Pengajian Asas Komunikasi |

